

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj**  
**[Sungai Siput]**

**TARIKH : 21 November 2016 (Isnin)**

**SOALAN : YB Dr. Michael Jeyakumar Devaraj**  
**[Sungai Siput] minta MENTERI**  
**PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS**  
**TANI menyatakan langkah-langkah**  
**yang diambil oleh FAMA untuk**  
**membantu dalam pemasaran buah-**  
**buahan hasil dusun-dusun di kawasan**  
**Sungai Siput.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

FAMA telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti pemasaran di musim pengeluaran buah - buahan bermusim di seluruh negeri Perak dan juga di Kawasan Parlimen Sungai Siput. Di antara langkah - langkah yang diambil adalah seperti berikut :

1) **Pembukaan lebih banyak ruang pasaran tambahan**

Membuka lebih banyak ruang pasaran tambahan di seluruh negeri Perak pada musim pengeluaran buah-buahan bermusim agar pengagihan pasaran lebih luas seperti program My Best Buy yang telah dijalankan di RTC Perak, pasar-pasar tani dan MyFarm Outlet, Seri Manjung; Gerai Buah - Buah Segar (GBBS), Agrobazaar Kedai Rakyat, Pusat Jualan FAMA dan di PAKAR Manjung; serta jualan di *hypermarket* seperti Giant dan Mydin.

2) **Penganjuran Program Fiesta Buah - Buah Bermusim**

FAMA Negeri Perak telah menjalankan program Fiesta Buah - Buah Bermusim peringkat Negeri Perak dan Kempen Makan Buah - Buah Bermusim peringkat sekolah di RTC Perak.

3) **Menubuhkan Pusat Pengumpulan Ladang**

FAMA Negeri Perak telah menubuhkan pusat pengumpulan ladang sementara pada musim buah-buahan di setiap kawasan pengeluaran di Negeri Perak termasuklah di kawasan Parlimen Sungai Siput iaitu di Karai bagi memudahkan petani-petani menghantar dan menjual buah-buahan di tempat khas yang membolehkan pihak FAMA dan pemborong datang membeli di kawasan tersebut.

4) **Penglibatan Secara Terus FAMA dalam Operasi Belian dan Jualan**

Penglibatan FAMA dalam operasi belian secara langsung adalah bertujuan untuk menstabilkan harga dan membantu petani yang menghadapi masalah pasaran. Setiap tahun aktiviti belian secara terus terutamanya bagi buah-buahan bermusim akan dipertingkatkan.

FAMA telah memberi penekanan dalam membangunkan petani-petani yang terlibat agar dapat beroperasi dengan lebih komersial bagi meningkatkan pendapatan mereka. Dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh FAMA di Negeri Perak diharap dapat membantu petani-petani untuk memasarkan buah-buahan bermusim.